

23/10/2002

Parti Cina yakin selesai isu bahasa Inggeris

Misiah Taib; Magendran Rajagopal; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Selasa - Parti komponen Barisan Nasional (BN) yang mewakili masyarakat Cina mampu memutuskan kaedah tersendiri berhubung dasar penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC).

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata lima parti yang mewakili kaum itu akan mengadakan perbincangan dalam tempoh seminggu yang diberikan Dewan Tertinggi BN pada mesyuaratnya hari ini.

Beliau berkata, perbincangan antara kelima-lima parti kaum Cina itu juga pasti dapat diselesaikan dalam tempoh itu.

"Kita mempunyai satu minggu untuk membincangkan hal itu...sama ada untuk meneruskan dalam Bahasa Cina ataupun kita menjalankan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris atau melalui kaedah lain," kata kepada pemberita selepas mesyuarat Dewan Tertinggi BN, di sini petang ini.

Mesyuarat itu memutuskan memberikan seminggu kepada lima parti komponen BN yang mewakili kaum Cina mencari formula berhubung pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik di SJKC tahun depan.

Selain MCA, empat parti lain yang mewakili kaum itu ialah Gerakan, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP).

Jumaat lalu, mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) MCA sebulat suara menentang cadangan kerajaan menggunakan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di semua SJKC mulai tahun depan.

Difahamkan, dalam mesyuarat tertutup selama dua jam itu, Dr Ling berkata beliau bersetuju meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar tetapi berpendapat ia tidak sepatutnya dilakukan dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar kecuali bagi mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris itu sendiri.

Dr Ling juga meminta media tidak membuat spekulasi keupayaan lima parti komponen Cina mencapai keputusan dalam tempoh yang ditetapkan.

Lima parti politik yang mewakili masyarakat Cina itu dalam mesyuarat mereka sebelum ini gagal mencapai kata sepakat berhubung isu itu walaupun selepas beberapa mesyuarat diadakan.

Kemelut isu bahasa Inggeris bermula awal Ogos lalu apabila 38 persatuan Cina di seluruh negara membantah hasrat kerajaan melaksanakan dasar berkenaan di SJKC.

Semua 38 persatuan Cina itu meluluskan dua resolusi iaitu menyokong usaha kerajaan meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat tetapi menentang penggunaan bahasa itu dalam mata pelajaran Sains dan Matematik di SJKC.

Antara pertubuhan itu termasuk Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) dan Gabungan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong).

Cadangan supaya kedua-dua mata pelajaran itu diajar dalam bahasa Inggeris dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno selepas Mei lalu.

Ia dibuat selepas MT menolak cadangan diwujudkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris kerana tindakan itu tidak secocok Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Sebaliknya, bahasa itu akan diperluaskan di sekolah menerusi penggunaannya dalam pengajaran Sains dan Matematik mulai tahun Satu selain memperkenalkan subjek kesusasteraan Inggeris kontemporari.

Ketika itu, Dr Mahathir dilaporkan berkata, cadangan itu dibuat kerana kerajaan menyedari kepentingan penguasaan ilmu dalam bahasa Inggeris di kalangan rakyat, terutama Bumiputera kerana ia bahasa antarabangsa yang digunakan secara meluas.

Berikutan itu, Kementerian Pendidikan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas profesional yang dipengerusikan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat untuk mengkaji cadangan itu.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, kemudian mengumumkan cadangan itu dilaksanakan untuk murid-murid tahun satu, tingkatan satu dan enam rendah di semua sekolah kebangsaan, termasuk SJKC mulai tahun depan.

Sementara itu, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata masyarakat India menyokong pelaksanaan dasar itu kerana yakin penggunaan bahasa Tamil tidak akan berkurangan.

"Ini kerana lebih 65 peratus pengajaran masih dilakukan dalam bahasa Tamil.

"Saya juga percaya taraf pendidikan di sekolah Tamil boleh ditingkatkan berikutan pengenalan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris," katanya.

Bagaimanapun, katanya masyarakat India mengenakan beberapa syarat termasuk meminta kerajaan memberi bantuan modal penuh kepada sekolah Tamil selain membekalkan kemudahan asas untuk pengajaran teknologi maklumat (IT).

Sementara itu Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata tiada siapa daripada parti berasaskan Cina membantah cadangan itu.

Bagaimanapun, katanya, semua mereka memberitahu mesyuarat bahawa mereka perlu menyelesaikan beberapa masalah berhubung isu itu sebelum ia dilaksanakan.

Ketika ditanya sama ada pelaksanaannya di sekolah Cina akan berbeza dengan sekolah lain, Mohamed berkata Dewan Tertinggi BN perlu menunggu sehingga semua parti berasaskan Cina itu selesai mengadakan mesyuarat mereka mengenai perkara itu.